

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan dengan betul.

**Membaca**

Baca petikan di bawah.

Guru Kesayangan Saya

Saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah. Cikgu Rahmah baru berpindah ke sekolah saya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Cikgu Rahmah seorang yang **tegas** tetapi baik hati. Beliau juga seorang yang mudah mesra. Beliau selalu memberikan nasihat tentang masa depan dan **kerjaya** sewaktu di dalam kelas.

Cikgu Rahmah seorang guru yang **komited**. Beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan **prestasi** anak didiknya. Saya suka akan cara beliau memberikan penerangan sewaktu mengajar. Sekiranya terdapat keraguan sewaktu menyelesaikan latihan, beliau sedia membantu.

Cikgu Rahmah sanggup **meluangkan** masa membantu saya dan rakan-rakan untuk menyelesaikan apa-apa jua masalah. Kami amat menghormati beliau. Benarlah kata **pujangga** guru ibarat lilin yang sanggup membakar diri untuk menerang orang lain.



- Siapakah nama guru Bahasa Melayu "saya"?
A. Cikgu Salmah C. Cikgu Rahman
B. Cikgu Zainab D. Cikgu Syukri
- Berikut adalah perwatakan Cikgu Rahman **kecuali**
A. Tegas C. Baik hati
B. Sombong D. Mudah mesra
- Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "**komited**" dalam petikan diatas?
A. jelas C. tegas
B. bertanggungjawab D. leka
- Berdasarkan petikan, apakah perkara-perkara yang sanggup dilakukan oleh Cikgu Rahman untuk murid-muridnya?
A. Cikgu Rahman sanggup membawa muridnya ke klinik apabila sakit.
B. Cikgu Rahman akan makan Bersama murid-muridnya di kantin untuk mengambil hati muridnya.
C. Cikgu Rahman sanggup meluangkan masa untuk membantu murid-muridnya yang menghadapi masalah.
- Berikut adalah cara-cara membalas jasa guru **kecuali**
A. Malas belajar C. memberikan hadiah pada hari guru
B. Mengucapkan terima kasih D. mendengar arahan guru